

**POLISI PERKHIDMATAN PENGKOMPUTERAN AWAN AWAM
(PUBLIC CLOUD COMPUTING SERVICE POLICY)
UNIVERSITI MALAYA**

1. LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Awam menawarkan beberapa kelebihan seperti penjimatan kos, berprestasi tinggi serta membolehkan penyediaan perkhidmatan yang cepat. Sungguhpun begitu tanpa kawalan, penggunaan perkhidmatan ini boleh meningkatkan risiko kehilangan dan kecurian data, capaian tidak sah, penyalahgunaan data peribadi dan organisasi memandangkan aset serta kemudahan pengkomputeran tersebut berada di luar kawalan organisasi.

Mesyuarat Jawatankuasa ICT Bil 1/2018 bertarikh 11 April 2018 telah memutuskan agar satu polisi berkaitan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan awam ini diwujudkan sebagai satu bentuk kawalan bagi mengurangkan risiko terhadap keselamatan maklumat Universiti.

2. TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk melindungi keselamatan maklumat Universiti berhubung penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan awam.

3. DAFTAR KATA

3.1 Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Awam (*Public Cloud Computing Service*)

Merujuk kepada perkhidmatan pengkomputeran awan awam yang disediakan melalui internet oleh pihak ketiga (dikenali sebagai Penyedia Perkhidmatan Awan) dan terbuka kepada mana-mana individu atau organisasi untuk menggunakannya. Perkhidmatan disediakan secara percuma atau berbayar.

Fasiliti pengkomputeran yang disediakan oleh perkhidmatan tersebut terletak di lokasi yang ditentukan oleh Penyedia Perkhidmatan Awan. Antara contoh penyedia perkhidmatan pengkomputeran awan awam ialah Microsoft, Amazon dan Google.

Terdapat beberapa model perkhidmatan pengkomputeran awan awam seperti berikut :

(i) Perisian Sebagai Perkhidmatan (*Software-as-a-Service (SaaS)*)

Perkhidmatan ini menyediakan keupayaan untuk menggunakan perisian di awan dan pengguna boleh mengakses melalui internet. Contoh perkhidmatan ini adalah seperti email percuma (Gmail dan Yahoo Mail); perkhidmatan simpanan awan (Google Drive atau Dropbox); media sosial (Facebook, Twitter dan Instagram); dan Microsoft Office 365.

(ii) Infrastruktur sebagai Perkhidmatan (*Infrastructure-as-as-Service (IaaS)*)

Persekitaran asas yang menyediakan sumber pengkomputeran awan seperti *virtual machine*, *virtual network* dan sebagainya. Diantara contoh perkhidmatan ini adalah seperti DigitalOcean, Linode, Rackspace, Amazon Web Services (AWS), Cisco Metapod dan Microsoft Azure.

(iii) Platform sebagai Perkhidmatan (*Platform-as-a-Service (PaaS)*)

Persekitaran pembangunan dan penggunaan perkhidmatan aplikasi yang disediakan untuk pembangun sistem. Contohnya seperti Microsoft Azure dari Microsoft, Elastic Compute Cloud (EC2) dari Amazon dan Google Application Engine.

3.2 Maklumat

Semua maklumat rasmi milik Universiti adalah meliputi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, sumber manusia dan kewangan. Ia juga merangkumi maklumat milik pihak ketiga yang Universiti terima/kendali semasa berurusan dengan pihak ketiga seperti agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan.

Maklumat yang dimaksudkan termasuk dalam semua bentuk seperti data mentah, data dari pangkalan data, kod sumber, dokumen, foto, audio, video dan dalam format salinan (*softcopy/hardcopy*).

Antara contoh maklumat adalah seperti berikut :

Bil.	Kategori	Contoh
1.	Pengajaran & Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none">▪ Minit mesyuarat Fakulti/Jabatan;▪ Semua maklumat berkaitan pelajar dari pemilihan sehingga graduasi; dan▪ Maklumat pihak ketiga seperti pemeriksa luar.
2.	Pentadbiran Universiti	<ul style="list-style-type: none">▪ Minit mesyuarat LPU, Senat dan Jawatakuasa Pengurusan.▪ Maklumat kewangan seperti gaji, laporan berkaitan kedudukan kewangan Universiti, pelaburan, penjanaaan pendapatan;▪ Maklumat berkaitan perolehan seperti laporan penilaian sebutharga/tender;▪ Maklumat berkaitan pengurusan sumber manusia seperti data peribadi kakitangan dan semua data dari urusan pelantikan sehingga penamatan perkhidmatan;▪ Maklumat berkaitan data pelajar universiti;▪ Dokumen perjanjian;▪ Kod Sumber Program; dan▪ Maklumat pihak ketiga seperti pembekal dan pelanggan perkhidmatan.
3.	Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none">▪ Soal selidik seperti maklumat responden; dan▪ Rekacipta (baru dan asli) yang belum dipatenkan atau belum pernah didedahkan secara awam.

Maklumat yang dimaksudkan di atas, selepas ini dirujuk sebagai "Maklumat".

3.3 Maklumat Terperingkat

Maklumat yang mesti diberi perlindungan keselamatan dan bertanda dengan sesuatu peringkat keselamatan sama ada Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad.

3.4 Klasifikasi Maklumat¹

Bil.	Kategori-kategori Fail	Definisi	Contoh
(i)	Rahsia Besar	Maklumat yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia. Dokumen ini hendaklah diperingkatkan Rahsia Besar.	<p>a) Kerta-kertas Jemaah Menteri yang sangat penting mengenai dasar utama kerajaan berkaitan dengan perkarapolitik atau ekonomi;</p> <p>b) Maklumat yang sangat penting mengenai perancangan gerakan dan penempatan barisan peperangan Angkatan Tentera jika berlaku peperangan;</p> <p>c) Surat menyurat dengan kerajaan negara asing mengenai aspek perdagangan dan pertahanan yang sangat penting; dan</p> <p>d) Maklumat lengkap berkenaan dengan pertubuhan-pertubuhan perisikan Malaysia dan kaedah-kaedahnya.</p>
(ii)	Rahsia	Maklumat yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat Malaysia atau memberi keuntungan besar	<p>a) Arahan-arahan penting untuk perwakilan-perwakilan Malaysia yang membuat perundingan dengan negara asing;</p> <p>b) Maklumat-maklumat penting mengenai pemasangan-pemasangan tentera;</p> <p>c) Maklumat penting mengenai pertubuhan-pertubuhan subversif dan kegiatan-kegiatannya; dan</p>

¹ Kategori Fail dan Peringkat.pdf

		kepada sesebuah kuasa asing.	d) Surat menyurat antara Jabatan mengenai perkara-perkara dasar yang penting.
(iii)	Sulit	Maklumat yang jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan negara tetapi : a) Memudaratkan kepentingan; atau b) martabat Malaysia; atau c) kegiatan kerajaan; atau d) orang perseorangan; atau e) menyebabkan keadaan memalukan atau kesusahan kepada pentadbiran; atau f) menguntungkan sesebuah kuasa asing.	a) Laporan-laporan perisian biasa; b) Dokumen-dokumen dan panduan-panduan teknik untuk kegunaan latihan tentera atau polis; c) Maklumat mengenai perkara-perkara perdagangan yang jika terdedah kepada orang yang tidak dibenarkan akan menyebabkan keadaan memalukan atau kesusahan kepada pentadbiran dan kerajaan; dan d) Maklumat yang mungkin membolehkan pendapatan faedah kewangan daripadanya jika terdedah sebelum masa.
(iv)	Terhad	Maklumat selain daripada yang diperingkatkan Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit tetapi berkehendakan juga diberi satu tahap perlindungan keselamatan.	a) Buku-buku Jabatan bagi maksud arahan; b) Perintah-perintah dan arahan-arahan biasa Jabatan; dan c) Dokumen-dokumen mengenai bekalan barang-barang dan alat kelengkapan biasa untuk tentera atau polis.
(v)	Terbuka	Maklumat yang boleh digunakan secara bebas, boleh dikongsi dan	a) Direktori staf di laman web Universiti Malaya; b) Senarai nama dan alamat emel Dekan-dekan /

		digunakan semula oleh mana-mana pihak.	c) Pengurusan Universiti; dan Laporan Tahunan
--	--	--	---

4. SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan dan pelajar yang menerima dan/atau mengendalikan Maklumat Terperingkat menggunakan mana-mana model perkhidmatan pengkomputeran awan awam yang dinyatakan di para 3.1 (i) hingga (iii).

5. POLISI

- (i) Maklumat Terperingkat adalah dilarang ditempatkan di awan awam;
- (ii) Sekiranya terdapat keperluan menggunakan perkhidmatan awan awam bagi menempatkan Maklumat Terperingkat, kelulusan **BERTULIS** dari Naib Canselor hendaklah diperolehi terlebih dahulu;
- (iii) Hanya perkhidmatan pengkomputeran awan awam yang dilanggan dan diterimapakai di peringkat Universiti, iaitu aplikasi google seperti Gmail, Google Drive dan Google Photos; dan Microsoft Office 365 dibenarkan untuk diguna bagi tujuan rasmi. Sungguhpun begitu penempatan Maklumat Terperingkat adalah masih tertakluk kepada para 5 (i) dan 5 (ii);
- (iv) Sekiranya terdapat keperluan untuk menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan awam selain dari yang dinyatakan di para 5 (iii), pemilihan Penyedia Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Awam hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT, Universiti Malaya terlebih dahulu sebelum perkhidmatan tersebut diterimapakai;
- (v) Perkhidmatan pengkomputeran awan awam percuma seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan Flickr adalah dibenarkan untuk tujuan rasmi. Sungguhpun begitu penyebaran, perkongsian dan penyimpanan Maklumat Terperingkat di perkhidmatan pengkomputeran awan awam tersebut melalui akaun korporat, masih tertakluk kepada para 5 (i) dan 5 (ii).

Penyebaran, perkongsian dan penyimpanan Maklumat Terperingkat Universiti di akaun persendirian Facebook, Twitter, Instagram, YouTube, Flickr LinkedIn, Scribd, SlideShare dan seumpamanya adalah **DILARANG**;

- (vi) Sebarang penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan awam hendaklah mematuhi segala peruntukan undang-undang, peraturan, pekeliling, polisi dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia dan Universiti Malaya contohnya Garis Panduan/ Peraturan/ Manual yang dikeluarkan oleh Bahagian Akademik/ Jabatan Bendahari/ Jabatan Pendaftar, dan Jabatan lain di Universiti Malaya;
- (vii) Setiap kakitangan dan pelajar hendaklah pada setiap masa menjaga dan mengekalkan integriti serta kerahsiaan segala maklumat universiti selari dengan nilai-nilai teras Universiti Malaya.

6. PELANGGARAN POLISI

Pihak Universiti berhak untuk mengambil sebarang tindakan termasuk tindakan tatatertib ke atas mana-mana individu sama ada kakitangan atau pelajar di atas pelanggaran polisi ini berdasarkan peruntukan Akta, Perlembagaan, Statut, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti. Manakala Individu yang terlibat adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelanggaran polisi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tuntutan sivil, kerugian, liabiliti, tanggungan dan kos daripada pihak ketiga yang berbangkit akibat tindakan pelanggaran polisi ini.

7. TARIKH KUATKUASA

Polisi ini berkuatkuasa pada 15 Oktober 2018.